

**TEKS UCAPAN
YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH
ABDULLAH
PRESIDEN ANGKASA**

**PROGRAM KURSUS JATI DIRI ANGKASA
NEGERI SELANGOR
BERSAMA JABATAN PENDIDIKAN
SELANGOR
KEPADA PENGETUA BAHARU DAN GURU
KOPERASI BAHARU NEGERI SELANGOR**

5 APRIL 2026 (AHAD)

8.30 MALAM

APLIKASI ZOOM

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh, Salam Sejahtera, Salam
Malaysia Madani dan Salam Koperasi.

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi
kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana

dengan limpah kurnia-Nya, kita dapat bersama-sama dalam **PROGRAM KURSUS JATI DIRI ANGKASA NEGERI SELANGOR DENGAN KERJASAMA JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SELANGOR KEPADA PENGETUA BAHARU DAN GURU KOPERASI BAHARU NEGERI SELANGOR** pada hari ini.

2. Saya ingin merakamkan penghargaan kepada Jabatan Pendidikan Negeri Selangor atas komitmen dan kerjasama strategik bersama **ANGKASA** dalam memastikan pembangunan koperasi sekolah terus diperkasa, seiring dengan aspirasi pendidikan negara.
3. Tahniah dan syabas juga kepada para pengetua baharu dan guru koperasi baharu yang hadir. Tuan puan adalah barisan kepimpinan yang akan mencorakkan masa depan sekolah, termasuk dalam memperkukuh

peranan koperasi sebagai platform pendidikan yang holistik.

Para hadirin yang dihormati,

4. Kursus jati diri ini bukan sekadar program latihan biasa, tetapi merupakan satu platform penting untuk membentuk kefahaman yang jelas tentang peranan koperasi sekolah sebagai institusi pembelajaran yang menyeluruh.

5. Koperasi sekolah bukan sahaja mendedahkan murid kepada ilmu perniagaan dan pengurusan, tetapi turut membentuk disiplin, integriti serta semangat kerja berpasukan. Ia melatih murid untuk berfikir secara kritis, membuat keputusan dan memikul tanggungjawab sejak di bangku sekolah lagi.

6. Oleh itu, peranan pengetua dan guru koperasi amat penting dalam memastikan koperasi sekolah tidak sekadar berfungsi sebagai entiti jual beli, tetapi menjadi medan pembelajaran sebenar yang membina sahsiah dan kepimpinan murid.

Para hadirin yang dihormati,

7. **Di peringkat nasional, gerakan koperasi sekolah berada pada landasan yang kukuh. Sehingga kini, terdapat 2,511 koperasi sekolah aktif di seluruh Malaysia dengan keanggotaan melebihi 2.1 juta individu. Syer/yuran terkumpul adalah sebanyak RM30.9 Juta, aset mencecah RM505.11 juta dengan perolehan sebanyak RM531.76 juta sehingga Disember 2024.**

8. Lebih membanggakan sehingga kini terdapat 48 koperasi sekolah yang

berjaya mencatatkan perolehan melebihi RM1 juta, dan dua daripadanya yang melepasi angkasa RM2 juta. Ini membuktikan bahawa koperasi sekolah mempunyai potensi besar untuk berkembang sebagai entiti perniagaan yang berjaya jika diurus dengan baik dan berstrategi.

9. Namun kejayaan ini tidak akan tercapai tanpa kepimpinan yang berjaya memacu kecemerlangannya. Justeru, melalui kursus ini, saya berharap tuan puan dapat memperkukuh pengetahuan, meningkatkan kemahiran serta membina jaringan kerjasama yang akan memberi manfaat kepada pengurusan koperasi di sekolah masing-masing.

Para hadirin yang dihormati,

10. Saya juga ingin menekankan bahawa kejayaan sesebuah koperasi sekolah bergantung kepada sokongan ekosistem yang menyeluruh, termasuk pihak sekolah, ibu bapa dan komuniti.
11. Kepimpinan sekolah perlu melihat koperasi sebagai sebahagian daripada proses pendidikan bukan sekadar aktiviti sampingan. Dengan sokongan yang konsisten, koperasi sekolah mampu menjadi platform melahirkan generasi baharu yang berdaya saing, berintegriti dan mempunyai nilai keusahawanan yang tinggi.
12. Kepada para guru koperasi, peranan tuan puan amat besar dalam membimbing murid. Jadilah pemudah cara yang mampu mencungkil potensi mereka dengan memberi ruang untuk mereka belajar melalui pengalaman sebenar dan seterusnya membentuk keyakinan diri mereka.

13. Saya yakin dengan komitmen semua pihak koperasi sekolah di Negeri Selangor akan terus maju dan menjadi contoh terbaik di peringkat nasional selari dengan hasrat kita untuk melahirkan modal insan yang berkualiti dan berdaya tahan.

14. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan **PROGRAM KURSUS JATI DIRI ANGKASA NEGERI SELANGOR BERSAMA JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SELANGOR KEPADA PENGETUA BAHARU DAN GURU KOPERASI BAHARU NEGERI SELANGOR**

Sekian,

Wabillahi taufiq walhidayah,
wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.